

# Dicekup ketika main Internet

Sinar 11/11/2011 Ms 17.

## 14 pelajar sekolah menengah ditahan dalam Ops Ponteng

NORAFIZA JAAFAR

**RAWANG**—Seramai 14 pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rawang yang sedang leka bermain permainan Internet di sebuah pusat kafe siber di sini ditahan Penguat Kuasa Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Gombak dalam Ops Ponteng semalam.

Pegawai Penguat Kuasa MPS, Megat Ainul Fadzliil Ainul Fadzliil berkata, bagaimanapun lapan pelajar yang ditahan dilepaskan kerana tidak memakai uniform sekolah.

Menurutnya, operasi itu dilakukan selepas menerima aduan daripada ibu bapa dan laporan daripada sebuah akhbar tentang masalah itu.

Beliau berkata, rata-rata pelajar yang ditahan mendakwa pihak sekolah mem-

“Ada antara mereka mendakwa meminta keizinan daripada pengawal keselamatan untuk pulang awal selepas tamat aktiviti sukan sekolah.”

**Megat Ainul Fadzliil**

benarkan pelajar pulang awal kerana telah tamat peperiksaan akhir tahun dan selesai memulangkan buku teks.

“Ada antara mereka mendakwa meminta keizinan daripada pengawal keselamatan untuk pulang awal selepas tamat aktiviti sukan sekolah.

“Penjelasan mereka tidak kukuh kerana kegagalan menunjukkan lampiran bukti bertulis atau notis yang dikeluarkan pihak sekolah menunjukkan pelajar mereka untuk pulang awal,” katanya.

Megat Ainul Fadzliil berkata, kesemua pelajar yang ditahan kemudian dibawa ke sekolah untuk tindakan susul-

an oleh pihak sekolah termasuk memanggil ibu bapa mereka.

Sementara itu, Penolong Hal Ehwal Murid SMK Rawang, Nor Azian Osman berkata, pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang notis kebenaran pelajar untuk pulang awal.

“Kita telah menyediakan pelbagai program untuk mengisi masa pelajar seperti ceramah dan motivasi kepada pelajar memandangkan sesi persekolahan masih berjalan seperti biasa.

“Faktor kawalan keselamatan lemah termasuk pengawal yang memberikan



Megat Ainul Fadzliil (dua kiri) ketika mengarahkan pelajar yang ditahan supaya mengeluarkan MyKad.

pelajar pulang tanpa memberikan bukti kukuh antara penyebab terdapat pelajar pulang awal dari waktu yang ditetapkan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, masalah tembok pengadang yang runtuh sejak September lalu akibat hakisan tanah juga memudahkan pelajar ponteng sekolah.

Justeru itu katanya, pihak sekolah memohon supaya pihak PPD dapat menyegerakan proses pembaikan tembok itu untuk memudahkan kawalan ke atas pelajar.